

23/09/2002

Penyeragaman prosedur kastam percepat urusan import-eksport

PENYERAGAMAN dan kemudahan yang akan diperkenalkan kerajaan dalam menggunakan sistem satu borang bagi semua jenis pergerakan termasuk urusan import, eksport dan pemindahan barang berduit akan mempercepatkan proses berkenaan lebih 50 peratus.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (Pencegahan), Datuk Zaleha Hamzah, berkata langkah itu yang dibentangkan dalam Bajet 2003 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin juga dapat menjimatkan masa dan mengelakkan kekeliruan.

"Pada masa ini borang Kastam 1 untuk import, untuk eksport borang Kastam 2 dan untuk pemindahan barang berduit pula borang Kastam 8 digunakan..tetapi selepas ini hanya satu borang digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian mesyuarat agung Kesatuan Pegawai Marin Jabatan Kastam Semenanjung Malaysia Sesi 2002-2004 oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy di Klang, Sabtu lalu.

Ketika membentangkan Bajet 2003, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata pergerakan barang bercukai antara kawasan bebas cukai atau tujuan eksport dikecualikan dari jaminan bank dan hanya satu borang digunakan untuk mengendalikannya.

Mengenai pemeriksaan tanpa melalui Jabatan Kastam selepas diperiksa agensi lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian, Zaleha berkata, tidak timbul soal penyelewengan kerana agensi kerajaan dipercayai satu sama lain.

Beliau juga berkata, satu penyelarasan antara setiap kementerian dan jabatan terbabit akan diwujudkan bagi memastikan kelancaran proses itu.

Pada masa ini, semua barang yang diimport masuk perlu melalui kelulusan Jabatan Kastam terlebih dulu.

Mengenai pungutan cukai oleh Jabatan Kastam yang didapati berkesan selepas kajian beberapa tahun lalu, jabatan akan memperhebatkan penguatkuasaan dan berharap orang awam, sektor perniagaan dan pengimport lebih mematuhi kewajipan membayar cukai, katanya.